

# Dua maut akibat wabak H1N1 di Mexico

MEXICO CITY 22 Jan. - Wabak selesema babi atau influenza A (H1N1) di ibu negara Mexico ini meragut dua nyawa pada minggu-minggu pertama tahun ini.

Setiausaha Kesihatan Daerah Persekutuan Mexico, Armando Ahued berkata, 138 kes demam selesema disahkan di ibu negara, termasuk 110 kes influenza A (H1N1) iaitu virus selesema babi yang mula dikesan pada 2009.

Sejumlah 333 kes jangkitan virus H1N1 disahkan di seluruh negara ini, katanya.

Mangsa terbaru berusia 19 dan 21 tahun yang meninggal dunia di hospital berlainan.

“Kecenderungan untuk kes-kes selesema meningkat adalah normal kerana suhu pada Januari pada paras terendah,” kata Ahued yang menjangka kes selesema mula reda pada bulan depan.

Wabak pertama virus influenza A (H1N1) berlaku di Mexico dan Amerika Syarikat (AS) pada April 2009, dan segera menjadi pandemik global yang meragut 17,000 nyawa, termasuk lebih 1,250 di Mexico sahaja. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan pandemik itu berakhir pada 2010. - AFP